

Bil.(2)d/m.JK/IP.39/54-A.

Jabatan Kehakiman,  
Mahkamah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

Tarikh: 21hb. April, 1979.

Semua Yang Di Pertua, Mahkamah Sesyen, Malaysia.

Semua Majistret, Mahkamah Rendah, Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya dan Borneo.

Semua Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya dan Borneo.

Semua Pendaftar, Mahkamah Sesyen, Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar (Registrar's Circular)

Adalah dimaklumkan bahawa mulai daripada tarikh surat ini Pekeliling-Pekeliling Pendaftar yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman akan dibahagi kepada dua katogori:

a) Pekeliling Pendaftar Am - (Pekeliling Pendaftar (a)

Bil:...Tahun.....

b) Pekeliling Pendaftar - (Pekeliling Pendaftar (U)

Undang-Undang

Bil:...Tahun.....

2. Semua Pekeliling Pendaftar dibawah siri (A) adalah dikhas bagi perkara-perkara yang bersangkutan dengan hal-hal Pentadbiran Mahkamah seperti perkara-perkara perkhidmatan, kewangan dan perkara-perkara Am.

3. Semua Pekeliling Pendaftar dibawah siri (U) adalah dikhaskan bagi perkara-perkara yang bersangkutan dengan hal-hal pentadbiran Mahkamah dari segi Undang-Undang.

4. Usaha sedang dibuat sekarang ini untuk menyusn dan mengeluarkan semula semua Pekeliling-Pekeliling Pendaftar (Registrar's Circulars) yang

telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman semenjak tahun 1946.

5. Adalah diharapkan kepada semua Pegawai-pegawai yang berkenaan menyimpan dan mengkemaskinikan Pekeliling-Pekeliling tersebut untuk dijadikan panduan dalam menjalankan tugas-tugas mereka seharian.

(Abdul Hamid bin Haji Mohamed)

b.p. KETUA PENDAFTAR.

s.k.

1. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara.
2. Yang Arif Hakim Besar, Malaysia.
3. Yang Arif Hakim Besar Borneo.
4. Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya dan Borneo.